

DATE : 02 MAY 2017
PUBLICATION : BERITA HARIAN
SECTION : BISNES
HEADLINE : TERAJU BANTU 13 SYARIKAT BUMIPUTERA KE BURSA MALAYSIA
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 153.6CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

TERAJU bantu 13 syarikat Bumiputera ke Bursa Malaysia

→ Tingkat komitmen cari firma berpotensi tinggi menerusi SJJB



Oleh **Mahanum Abdul Aziz**
mahanum_aziz@bh.com.my

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) kini mempergiatkan usaha mencari syarikat Bumiputera berpotensi tinggi dan membimbing mereka sehingga mampu disenaraikan di Bursa Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Datuk Husni Salleh (**gambar**), berkata menerusi Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB), tumpuan diberikan terhadap usaha membina kapasiti dengan menyediakan khidmat nasihat secara menyeluruh kepada syarikat yang berpotensi untuk disenaraikan.

Katanya, ia termasuk menyediakan pelan penciptaan nilai bagi meningkatkan kemampuan perniagaan menerusi pertumbuhan or-

ganik dan bukan organik serta mengenalpasti cara mengakses dana.

Beliau berkata, khidmat nasihat juga disediakan bagi menambah baik proses tadbir urus syarikat untuk memastikan ia bersedia untuk disenaraikan dan mencatat pengembangan seterusnya.

Catat pertumbuhan ketara

"Sejak TERAJU mengambil alih program ini pada 2011, kini sebanyak 13 syarikat Bumiputera berjaya disenaraikan," katanya kepada BH ketika ditemui di Pameran Memacu Agenda Bumiputera 2017 yang diadakan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dari segi prestasi syarikat Bumiputera yang disenaraikan itu, Husni berkata, jika dibandingkan dengan nilai permodalan pasaran mereka ketika disenaraikan, semua 13 syarikat SJJB itu mencatatkan pertumbuhan nilai permodalan pasaran yang amat ketara.

Katanya, pada mulanya, hanya lima syarikat Bumiputera yang menyertai program itu berjaya disenaraikan di pasaran saham tempatan dengan jumlah nilai modal pasaran lebih RM900 juta.

"Namun, susulan pertambahan lapan lagi syarikat, jumlah nilai permodalan pasaran semua syarikat melonjak sehingga mencecah RM7.8 bilion ketika ini," katanya.

Husni menambah, berkata, bagi tahun ini, dua syarikat sudah disenaraikan, termasuk Serba Dinamik Holdings Bhd.

Katanya, Serba Dinamik mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan nilai permodalan pasaran syarikat itu kini mencecah RM2.5 bilion berbanding RM2 bilion ketika disenaraikan Februari lalu.

TERAJU mengambil alih program SJJB yang dimulakan pada 2007 daripada Kementerian Kewangan apabila ia ditubuhkan pada 2011.

Info

Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB)

→ **SJJB dilaksanakan** menerusi kerjasama TERAJU dan Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS)

→ **Ia diperluas** untuk merangkumi syarikat senaraian awam (PLC) Bumiputera bermodal pasaran kecil dan sederhana

→ **Matlamat SJJB** adalah untuk memajukan PLC Bumiputera menjadi syarikat peneraju pasaran masa depan

→ **Objektif program** itu adalah untuk meningkatkan nilai modal pasaran syarikat PLC Bumiputera